

Universiti Putra Malaysia (UPM) terus unggul di bidang penyelidikan apabila diluluskan peruntukan sebanyak RM 3.1 juta lagi bagi 19 projek baru bagi tahun 1998 menurut kelulusan yang dikeluarkan oleh Bahagian Sains dan Teknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar baru-baru ini. Sebelum ini UPM telah menerima peruntukan lebih RM75 juta untuk lebih 350 projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-7. Dalam kelulusan yang terbaru ini, 4 projek baru diluluskan untuk Sektor Agro-industri, 2 Sektor Pembuatan, 8 Sektor Ekonomi, 3 Sektor Sains, 1 Sektor Kesihatan dan 1 Sektor Alam Sekitar. Sejumlah RM1.53 juta akan dibayar pada tahun ini manakala selebihnya pada tahun 1999 dan 2000. Kejayaan ini menunjukkan UPM akan terus komited dalam bidang penyelidikan sejajar dengan hasrat untuk meletakkan UPM sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan yang ulung di rantau ini.

Menurut Encik Soaib Asimiran, Pegawai Tadbir di Unit Penyelidikan UPM, beberapa hasil penyelidikan UPM yang berjaya telah dikenalpasti untuk dijadikan bahan bagi filem dokumentari mengenai penyelidikan-penyelidikan terbaru di Malaysia yang akan disiarkan semasa Sukan Kuala Lumpur 98 pada bulan September nanti. Di antara penyelidikan tersebut ialah penyelidikan mengenai Teknologi Biofil Untuk Rawatan Sisa Buangan (Biofil Technology for Waste Treatment) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Azni Idris dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Vaksin

Semburan Pasteurela (Intranasal Pasteurella SprayVaccine) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Zamri Saad dari Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar. Menurutnya lagi, seramai lebih 140 penyelidik telah mengemukakan permohonan baru untuk mendapatkan sumber penyelidikan di bawah program Intensification of Research in Priority Areas (IRPA). Pecahan ini dapat dibahagikan seperti berikut:

Sektor Agro-industri (Agro-industry)	93 permohonan
Sektor Tenaga (Energy)	2 permohonan
Sektor Pembuatan (Manufacturing)	7 permohonan
Sektor Perkhidmatan (Services)	8 permohonan
Sektor Ekonomi (Economic)	1 permohonan
Sektor Kesihatan (Health)	8 permohonan
Sektor Alam Sekitar (Environment)	3 permohonan
Sektor Sains (Science)	20 permohonan

**Jumlah**

**142 permohonan**

Selain dari itu, untuk pameran penyelidikan, UPM juga akan mengambil bahagian dalam Pameran I.Tex'98 di Sunway Pyramid pada 10-12 Oktober 1998 yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan pameran sempena sambutan "Fifth ASEAN Science and Technology Week" pada 12-15 Oktober 1998 di Hanoi, Vietnam.